

AKTA PENCEMARAN JEREBU RENTAS SEMPADAN UNTUK ASEAN**Panggilan tindakan daripada Greenpeace untuk menggubal undang-undang domestik jerebu rentas sempadan bagi setiap negara ASEAN**

KUALA LUMPUR - Kerajaan di Asia Tenggara perlu meluluskan Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (THPA) sebagai langkah pertama setelah banyak janji untuk menghentikan jerebu yang bermula sejak Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan pada tahun 2002, yang diratifikasi di Kuala Lumpur, di mana Malaysia merupakan penandatanganan pertama.

Kerjasama diplomatik serantau ASEAN seharusnya bukan alasan untuk menangguhkan pelaksanaan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan seperti THPA, yang dikemukakan di Malaysia pada tahun 2019 dan dibatalkan pada Ogos 2020 walaupun beberapa syarikat milik Malaysia dikaitkan dengan kebakaran hutan di Indonesia.

Kerjasama diplomatik dalam kalangan kerajaan Asia Tenggara boleh wujud dengan undang-undang yang berorientasikan tindakan untuk memastikan akauntabiliti serta mengukuhkan strategi kerajaan dalam menangani isu jerebu jangka masa panjang.

Heng Kiah Chun, JuruKempen Strategis Serantau Greenpeace Asia Tenggara:

“Menggubal Akta Domestik Jerebu Rentas Sempadan adalah satu keperluan untuk bertindak sebagai penghalang, terutamanya terdapat sesetengah penyelewengan dalam industri. Akta ini mampu membentuk undang-undang asas untuk menyemak keberadaan institusi dalam memastikan semua syarikat beroperasi secara telus dan bertanggungjawab.

Dengan lebih terperinci, Greenpeace menuntut negara-negara ASEAN untuk:

1. Membangunkan kerangka undang-undang serantau untuk menuntut entiti korporat supaya bertanggungjawab atas kebakaran hutan dalam negara akibat daripada tanah gambut dan pembakaran sisa pertanian.
2. Mewajibkan semua syarikat yang menebang hutan untuk didedahkan kepada orang awam dan juga menyatakan peta konsesi secara terbuka, dimana akan dikongsi kei kalangan negara ASEAN bagi meningkatkan ketelusan dalam rantai pembekalan mereka.
3. Metodologi mengesan pencemaran udara dan juga standard kualiti udara serantau harus dipersetujui dan diselaraskan antara negara ASEAN bagi membentuk tindakan yang lebih bersepadu.

-TAMAT-

Tentang Greenpeace Malaysia

Greenpeace Malaysia merupakan sebuah organisasi bebas dengan rangkaian global yang berkempen dan protes secara aman, bebas, dan kreatif untuk mendedahkan masalah alam sekitar di peringkat global serta memberi solusi penting untuk masa depan yang hijau dan damai.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Yvonne Nathan, JuruKempen Digital dan Media | yvonne.nathan@greenpeace.org | +6017-6628306